



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERHORMAT DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**DIBACAKAN OLEH
YBRS. ENCIK MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK)
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERTANDINGAN
MELUKIS MURAL NEGARA BANGSA PERINGKAT
KEBANGSAAN 2026
& PROGRAM ARKIB@SEKOLAH**

11 OGOS 2026 (SELASA)

11.00 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima kasih saudara/ri pengacara majlis.

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

*(*salutasi terkini akan dikemukakan pada hari program)*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, bersyukur kita kerana dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Melukis Mural Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan 2026 & Program Arkib@Sekolah.**
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, pihak sekolah, guru pembimbing serta para pelajar yang telah memberikan komitmen yang amat membanggakan.

SENI DAN KREATIVITI PEMANGKIN PEMBENTUKAN JATI DIRI DAN SAHSIAH UNGGUL

3. Pertandingan Melukis Mural Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan tahun 2026 merupakan kesinambungan penganjuran yang diadakan pada tahun 2024 dan 2025. Pada tahun ini, sebanyak 87 penyertaan telah diterima berbanding 65 pada edisi sebelumnya. Penyertaan tahun ini melibatkan sekolah menengah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan termasuk sekolah swasta.
4. Saya dimaklumkan daripada 87 penyertaan, sebanyak 28 buah sekolah telah disenarai pendek ke peringkat kedua untuk melukis mural di sekolah masing-masing. Sebanyak 10 buah sekolah telah berjaya disenarai ke peringkat akhir, iaitu layak dijurikan secara lapangan di mana juara pertandingan akan diumumkan oleh juri sebentar lagi.
5. Pertandingan mural kali ini bertemakan **negara bangsa** selaras dengan mandat dan aspirasi utama Kementerian Perpaduan Negara pada tahun ini. Pemilihan tema ini juga dapat memperkasa nilai kebangsaan, mengukuh tapak integrasi sosial dan melestari khazanah warisan sebagai tunjang perpaduan dalam usaha melahirkan warganegara yang prihatin dan cintakan negara.

6. Seni mural merupakan satu bentuk ekspresi kreatif yang bukan sahaja bersifat estetik, tetapi juga sarat dengan mesej dan nilai pendidikan. Dalam konteks pertandingan ini, seni mural menjadi medium penting dalam menyampaikan idea tentang perpaduan dan identiti **negara bangsa**. Saya amat berbangga kerana pertandingan tahun ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan, melibatkan penyertaan pelajar-pelajar dari pelbagai kaum dan latar belakang.
7. Melalui **Pertandingan Melukis Mural Negara Bangsa**, para pelajar telah menunjukkan bakat, imaginasi dan kreativiti yang tinggi dalam menterjemahkan idea kepada karya visual. Setiap lukisan mural yang dihasilkan membawa makna tersendiri yang mencerminkan kefahaman mereka tentang nilai kenegaraan. Seni mural juga berperanan sebagai jambatan perpaduan dan alat komunikasi sosial yang mampu memberi kesan mendalam kepada masyarakat. Ia bukan sahaja menghiasi ruang fizikal, tetapi turut menjadi sumber inspirasi yang menyampaikan mesej perpaduan dan semangat cintakan negara.

PROGRAM ARKIB@SEKOLAH

8. Dalam konteks Malaysia, sinergi strategik antara institusi kearkiban dengan institusi pendidikan menjadi pemangkin konkrit untuk membawa fakta sejarah keluar daripada

batasan buku teks. Menyedari hakikat bahawa pembentukan generasi MADANI yang bersatu padu menuntut kefahaman sejarah berasaskan bukti kukuh, Arkib Negara Malaysia dengan sokongan Kementerian Perpaduan Negara memperkasakan Program Arkib@Sekolah. Langkah proaktif ini berfungsi sebagai wadah interaktif yang efektif untuk menyemai benih cinta kepada negara secara langsung dalam kalangan generasi muda.

9. Program Arkib@Sekolah oleh Arkib Negara Malaysia merupakan inisiatif strategik di bawah Kluster Tunas MADANI Kementerian Perpaduan Negara untuk **menyemai patriotisme sejak bangku sekolah**. Program ini berfungsi sebagai tapak integrasi kukuh yang menyatukan pelajar pelbagai etnik melalui penghayatan sejarah tanah air. Usaha ini bukan sahaja membina identiti nasional yang utuh dalam diri generasi muda, malah memperkukuh ikatan sosial dan bekerjasama demi melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.
10. Menerusi Program Arkib@Sekolah, penubuhan galeri sejarah sekolah bertindak sebagai titian ilmu yang mendidik pelajar secara berterusan, bermula daripada sejarah sekolah, sejarah tempatan, sehinggalah kepada sejarah negara. Melalui sumber sahih di sekeliling mereka seperti rekod penubuhan dan alumni pelbagai kaum, pelajar dapat melihat

perkaitan erat antara komuniti kecil dengan naratif besar pembentukan Malaysia. Kesedaran dan kecaknaan ini bukan sahaja memupuk rasa kepunyaan (*sense of belonging*) yang tinggi terhadap sekolah, malah membina kefahaman mendalam tentang kepentingan sejarah di peringkat tempatan dan negara sebagai tiang utama perpaduan negara.

AMANAT UNTUK GENERASI PEWARIS NEGARA BANGSA

Para pelajar yang saya kasihi sekalian,

11. Anda merupakan aset penting negara dan pewaris kepimpinan masa hadapan. Oleh itu, anda perlu sentiasa berusaha untuk menimba ilmu, mengasah bakat dan membina sahsiah diri yang unggul. Dalam era globalisasi yang semakin mencabar ini, generasi muda perlu bijak menilai maklumat, berfikir secara kritis serta mengekalkan jati diri sebagai rakyat Malaysia. Nilai saling menghormati dan perpaduan hendaklah sentiasa menjadi asas dalam kehidupan seharian. Ingatlah bahawa kekuatan sesebuah negara terletak pada kesatuan rakyatnya. Tanpa perpaduan, negara akan mudah goyah. Oleh itu, jadilah generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga tinggi nilai moral, berdisiplin dan cintakan negara.

12. Saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Arkib Negara Malaysia dan Kementerian Pendidikan atas usaha berterusan dalam menganjurkan **Pertandingan Melukis Mural Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan 2026 & Program Arkib@Sekolah** yang sangat bermakna ini. Usaha ini amat penting dalam memperkukuh pendidikan sejarah dan jati diri pelajar.
13. Tidak dilupakan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini. Komitmen dan kerjasama yang diberikan amat dihargai dan menjadi kunci kejayaan program ini. Tahniah juga diucapkan kepada semua peserta pertandingan, khususnya para pemenang. Usaha, kreativiti dan semangat yang ditunjukkan amat membanggakan dan wajar dijadikan contoh kepada rakan-rakan yang lain.

PENUTUP

14. Akhir kata, saya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan dan diperkasakan pada masa akan datang. Ia bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar, malah menyumbang kepada usaha membina negara bangsa yang lebih kukuh dan bersatu padu. Semoga segala usaha yang

dilakukan ini menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi yang berilmu, berakhlak mulia, kreatif serta mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

*Kain songket tenunan warisan,
Manis dipakai si anak dara;
Coretan mural penuh wawasan,
Melakar impian makmur negara.*

Dengan ini, saya sukacitanya menyempurnakan **Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Melukis Mural Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan 2026 & Program Arkib@Sekolah.**

Sekian, terima kasih.